

PANDUAN PENULISAN JURNAL DARUL QURAN

1. SYARAT UMUM

- 1.1. Artikel yang dihantar hendaklah bertemakan Pengajian Islam yang merujuk kepada syukbah yang ditawarkan di Darul Quran merangkumi bidang al-Quran, Tahfiz, Qiraat, Syariah, Usuluddin, Tafsir, Hadis, Muamalat, Dakwah dan Pengurusan Halal.
- 1.2. Artikel yang dihasilkan adalah merupakan karya asli penulis dan belum diterbitkan lagi oleh mana-mana jurnal atau tidak dihantar serentak untuk pertimbangan mana-mana penerbitan lain.
- 1.3. Artikel yang dihantar perlu disertakan salinan “*soft copy*” dan tidak akan dikembalikan kepada penulis samada artikel diterbitkan atau tidak.
- 1.4. Penulis bertanggungjawab terhadap pandangan dan hasil penulisan di dalam artikelnya sekiranya diterbitkan.
- 1.5. Penulis bertanggungjawab untuk memastikan karyanya tidak melanggar mana-mana hak cipta. Editor dan penerbit tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pelanggaran hak oleh penulis.
- 1.6. Penulis juga perlu mendapat izin untuk mengulang cetak atau mengubah sebarang bahan yang dilindungi oleh hak cipta dengan melampirkan surat izin bersama-sama versi suntingan terakhir manuskrip yang telah diterima.
- 1.7. Penghantaran artikel tuan/ puan bukan bukti penerimaan artikel untuk diterbitkan. Artikel yang diterima akan dikemukakan dalam mesyuarat untuk diterbitkan.

2. PENILAIAN

- 2.1. Artikel akan melalui proses penilaian oleh Jawatankuasa Penerbitan Jurnal Darul Quran.
- 2.2. Kriteria penilaian adalah berdasarkan kesesuaian karya untuk Jurnal Darul Quran, nilai sumbangan terhadap disiplin, kesesuaian karya daripada aspek konseptual dan teknikal serta kejelasan persembahan penulisan.

3. FORMAT ARTIKEL

3.1. Artikel hendaklah ditulis dengan berpandukan format berikut:

a. Program	:	<i>Microsoft Word</i>
b. Jenis <i>font</i> (Rumi)	:	<i>Times New Roman</i>
c. Jenis <i>font</i> (Arab)	:	<i>Traditional Arabic</i>
d. Saiz font (Rumi)	:	12
e. Saiz font (Arab)	:	16
f. Saiz font catatan bawah/ nota kaki	:	10
g. Jarak baris teks	:	1.5
h. Jarak baris nota kaki, terjemahan al-Quran dan Hadis	:	1.0

3.2. Perkataan selain Bahasa Malaysia hendaklah dicondongkan (*italic*).

3.3. Penggunaan ayat al-Quran dan terjemahan hendaklah berpandukan perisian "***Quran in Word***" serta hendaklah ditaip santak tengah.

3.4. Penaipan isi kandungan artikel hendaklah dengan menggunakan format yang berikut:

3.4.1. **Birai (*Margin*)**

a. birai atas	:	2.0 cm/ 0.79"
b. birai bawah	:	1.5 cm/ 0.59"
c. birai kiri	:	2.5 cm/ 0.98"
d. birai kanan	:	1.27 cm/ 0.5"

3.4.2. **Saiz Kertas**

a. lebar	:	15.24 cm/ 6"
b. tinggi	:	22.86 cm/ 9"

4. BAHASA

4.1. Artikel boleh ditulis sama ada dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab dengan tidak melebihi 5000 patah perkataan atau 15 halaman, tidak termasuk abstrak dan rujukan pada kertas saiz A4.

5. ABSTRAK

- 5.1. Artikel yang ditulis dalam Bahasa Melayu mestilah disertakan dengan abstrak dalam Bahasa Melayu. Artikel dalam Bahasa Inggeris mestilah disertakan dengan abstrak dalam Bahasa Inggeris. Manakala artikel Bahasa Arab mestilah disertakan dengan abstrak dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Abstrak tidak melebihi 200 patah perkataan, *font* bersaiz 12, berjarak 1.0 dan format *italic*. Setiap artikel mesti disertakan dengan 3 hingga 5 kata kunci.
- 5.2. Abstrak biasanya merangkumi maklumat yang mengandungi elemen-elemen seperti yang berikut:
 - a. Permasalahan kajian
 - b. Objektif kajian
 - c. Metodologi kajian
 - d. Hasil dapatan kajian
 - e. Implikasi kajian

6. TAJUK DAN SUB-TAJUK

- 6.1. Setiap salinan artikel mesti dilampirkan bersama halaman tajuk yang berasingan yang merupakan halaman pertama bagi artikel. Tajuk sesuatu artikel perlulah ringkas, deskriptif dan tidak melebihi 15 perkataan.
- 6.2. Halaman tajuk perlu mengandungi tajuk artikel, nama penulis, institusi, alamat, nombor telefon, dan alamat e-mel. Halaman tajuk ini akan diasingkan sebelum manuskrip dihantar untuk penilaian.
- 6.3. Tajuk utama hendaklah ditulis dengan huruf besar (*uppercase*).
- 6.4. Sub-tajuk hendaklah ditulis dengan huruf kecil dan huruf pertama bagi setiap perkataan hendaklah ditulis dengan huruf besar (*capitalize each word/ title case*).
- 6.5. Semua tajuk dan sub-tajuk hendaklah ditebalkan (*bold*) tulisannya.

7. SISTEM NOMBOR

7.1. Sistem nombor adalah seperti yang berikut:

Item peringkat pertama:

1. ...

Item peringkat kedua:

1.1. ...

Item peringkat ketiga:

1.1.1. ...

Item peringkat keempat:

1.1.1. (i) ...

Item peringkat kelima:

1.1.1. (i) (a) ...

8. NOTA RUJUKAN

8.1. Catatan Bawah/ Nota Kaki (*Footnote*)

8.1.1 Penulis hendaklah menggunakan format catatan bawah/ nota kaki (*footnote*) dalam penulisan artikel. Cara penomboran catatan bawah hendaklah menggunakan angka superskrip¹.

8.1.2. Butiran yang perlu ditulis adalah seperti berikut:

- a. Nama pengarang
- b. Tahun terbitan (dalam kurungan)
- c. Judul (*italic*)
- d. Jilid/ Juzuk (singkatan j.)
- e. Tempat terbitan (noktah bertindih)
- f. Penerbit
- g. Halaman (singkatan h.)

Contoh:

⁹⁹ Abu Abdullah Muhammad (2001), *al-Tafsir al-Kabir*, j. 7, Tehran: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 23.

¹ Superskrip adalah suatu tata penulisan huruf (angka, huruf, pecahan atau simbol) yang ditempatkan di atas ketinggian huruf biasa, dan umumnya dalam ukuran lebih kecil dari huruf biasa.

8.2. Rujukan Al-Quran dan Hadis

8.2.1. Semua ayat al-Quran hendaklah ditulis dalam kaedah penulisan *Rasm al-Uthmani*.

8.2.2. Penulisan teks al-Quran dan Hadis hendaklah menggunakan *font Traditional Arabic* bersaiz 16 dan ayat al-Quran mestilah berbaris sepenuhnya. Maklumat ayat dan surah bagi teks al-Quran ditulis di bawah petikan teks tersebut, bukan di nota kaki.

Contoh:

al-Baqarah, 2:12

8.2.3. Untuk memaparkan ayat al-Quran, penggunaan program komputer "*Quran in Word*" dengan saiz font 12 adalah digalakkan bagi mengelak dari kesilapan ejaan. Penaipan teks hendaklah dianjakkan 1.5 cm ke dalam dari kiri dan kanan perenggan utama.

8.2.4. Bagi teks hadith, maklumat takhrij hadith tersebut hendaklah dibuat sepenuhnya dalam **nota kaki**, bukan di bawah petikan teks tersebut. Contoh takhrij hadith yang paling ringkas adalah dengan menyebut nama penuh pengarang, tahun terbitan, nama kitab rujukan, tajuk besar (bab/kitab) nombor hadith, bilangan jilid, tempat terbit, penerbit, halaman.

Contoh:

⁹⁹ Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl (1994), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū'*, j. 2, Kaherah: Dar al-Fikr, h. 70, no. 2178.

8.3. Senarai Rujukan (Bibliografi)

8.3.1. Satu senarai rujukan mengikut abjad A hingga Z perlu dimasukkan dalam bahagian akhir artikel. Semua rujukan yang dirujuk dalam teks perlu muncul dalam senarai rujukan.

- 8.3.2. Penulis bertanggungjawab terhadap ketepatan dan maklumat yang lengkap. Beberapa rujukan oleh penulis yang sama perlu disusun secara kronologi (tarikh terawal didahulukan).
- 8.3.3. Mulakan senarai rujukan pada halaman baru dan taipkan perkataan **RUJUKAN** di bahagian atas dan tengah-tengah halaman. Taip setiap entri menggunakan format santak-tergantung dan ikuti dengan format rujukan seperti contoh berikut.

(i) Makalah/ Buku

Barker, P. (1987). *Authoring languages*. London: Croom Helm.

Davis, N., Desforjes, C., Jessel, J., Somekh, B., Taylor, C., Vaughan, G. (1997). Can quality in learning be enhanced through the use of IT? Dlm. Somekh, B. & Davis, N. (eds.), *Using Information Technology effectively in teaching and learning*. London: Routledge.

(ii) Terbitan Berkala

Intan Safinas Mohd Ariff AlBakri, Siti Hamin Stapa & Rosseni Din (2003). Using e-Mail Dialogue Journal Writing in ESL Classroom: A Case Study. *VirTEC Journal* 3 (1): 55-65.

Noriah Ishak, Siti Rahayah Ariffin, Rosseni Din & Aidah Abdul Karim (2002). Expanding Traditional Classroom Through Computer Technology: A Collaborative Learning Process. *Jurnal Pendidikan UTM* 37 (1): 17-28.

Al-Jazari, Abu al-Khair Muhammad (t.t), 'Ali Muhammad al-Diba' (ed), *al-Nashr fi al-Qiraat al-'Asharah*, j.1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

محمد علي الصابوني (2007)، تفسير آيات الأحكام من القرآن، ج.1، مكة، المكتبة التوفيقية، دار الصابوني.

(iii) Rujukan Laman Sesawang

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, <http://eprd.kpm.my/bmipmk01.html>, 7 Januari 1997.

Piagam Pengguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, <http://kpdnhg.gov.my/pelanggan.html>, 7 Januari 1997.

University of Malaya info, <http://cadcam.fk.um.edu.my/uaddr.html>, 7 Januari 1997.

8.4. Sumbangan artikel dan pertanyaan boleh berhubung dengan:

Unit Penerbitan

Cawangan Kualiti

Darul Quran JAKIM

Jalan Hamzah, Ampang Pecah

44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor

(u.p: Mohamad Lutfi Jamel/ Shuhaib Supani)

Tel: 019-3193019/ 013-9138564

Email: penerbitandq01@gmail.com